



**KENYATAAN MEDIA**  
**JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA**  
**TARIKH: 06 SEPTEMBER 2017**

---

**IMIGRESEN TUMPASKAN SINDIKET PELACURAN**

Unit Operasi Khas, Bahagian Perisikan Operasi Khas dan Analisa Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), telah mengadakan satu OPS GEGAR di sebuah pusat urut di kawasan Taman Maluri, Cheras, Kuala Lumpur. Risikan awal dijalankan bagi mengesahkan aduan dan mengumpul maklumat serta modus operandi (M.O) aktiviti pelacuran di pusat urut tersebut.

Risikan awal mendapati pusat urut tersebut menawarkan perkhidmatan seks dan menggunakan papan tanda sebagai pusat urut tradisional bagi mengaburi pandangan pihak penguatkuasa. Selepas mendapat maklumat penuh berkaitan aktiviti pelacuran yang dijalankan, Unit Quick Response Team (QRT) telah merancang M.O operasi. Pergerakan operasi telah bermula pada jam 8.00 malam 5 September 2017 sehingga serbuan dijalankan lebih kurang pukul 09.00 malam pada hari yang sama membabitkan seramai 16 orang pegawai imigresen.

Hasil pemeriksaan di premis tersebut, pegawai operasi telah berjaya menahan seramai **25** orang warga asing. Warga asing yang ditahan ini terdiri daripada **12** orang wanita warganegara Vietnam, **10** wanita warganegara Indonesia yang disyaki melakukan aktiviti pelacuran, **1** lelaki warga Myanmar yang diysaki menjadi bekerja di premis ini, **1** lelaki warga Indonesia yang menjadi pelanggan dan **1** orang lelaki warga tempatan yang merupakan penyelia pusat urut ini. Sebanyak 04 Borang Imm.29 (Saman kepada Saksi) dikeluarkan kepada pelanggan yang berada di dalam premis semasa serbuan dijalankan bagi membantu siasatan lanjut.

Antara kesalahan yang dikenalpasti ialah tiada dokumen pengenalan diri, tinggal lebih masa, dan lain-lain kesalahan yang melanggar Akta Imigresen. Kesemua tahanan akan ditempatkan di Depot Tahanan Imigresen Putrajaya, untuk siasatan dan tindakan susulan. Siasatan dilakukan atas pelbagai kesalahan mengikut Akta Perdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran (ATIPSOM), Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963.

Sepanjang tempoh OPS MEGA E-Kad sejak 1 Julai 2017 sehingga 6 September 2017 JIM telah mengadakan sebanyak **3,019** Operasi Penguatkuasaan di seluruh negara dan sebanyak **10,615** orang telah ditahan.

Daripada **10,615** yang ditahan ini, seramai **10,360** merupakan PATI dari pelbagai warganegara atas pelbagai kesalahan Imigresen. Selain itu **255** majikan turut ditahan dan **833** orang diberi notis untuk hadir memberi keterangan sepanjang tempoh ini. Daripada jumlah keseluruhan PATI yang ditahan, warga Indonesia telah mencatatkan tangkapan tertinggi iaitu seramai **3,178** orang, diikuti oleh warga Bangladesh seramai **2,585** orang, Myanmar seramai **948** orang, Filipina seramai **824** orang, Thailand seramai **574** orang, Vietnam seramai **471** orang dan bakinya adalah dari negara-negara lain.

JIM mengingatkan orang ramai dan majikan supaya tidak melindungi PATI atau terpaksa berhadapan dengan tindakan undang-undang. Orang awam yang mempunyai maklumat tentang aktiviti tidak bermoral, PATI atau sebarang maklumat yang boleh membantu JIM dalam melaksanakan penguatkuasaan supaya tampil menyalurkan maklumat tersebut. Pihak JIM akan mengambil tindakan sewajarnya untuk membendung berlakunya aktiviti tidak bermoral bagi tujuan menjaga imej, kesejahteraan dan keamanan negara.

#TAMAT#

**DATO' SHAHRIL BIN DATO' ISMAIL**  
**TIMBALAN KETUA PENGARAH IMIGRESEN**  
**(KAWALAN)**  
**MALAYSIA**